

Namun prestasi GPN yang dicatatkan lebih baik berbanding SPM tahun 2015

Jumlah calon SPM dapat A+ merosot

PUTRAJAYA - Seramai 102 atau 1.94 peratus calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2016 mendapat keputusan A+ dalam semua subjek, merosot berbanding 163 calon atau 2.6 peratus pada tahun sebelumnya.

Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Dr. Khair Mohamad Yusof (**gambar kecil**) berkata, penurunan bilangan itu bagaimanapun tidak menjejaskan prestasi Gred Purata Nasional (GPN) yang mencatat prestasi lebih baik kali ini iaitu 5.10 berbanding 5.15 pada tahun 2015.

Nilai GPN yang lebih kecil menunjukkan pencapaian yang lebih bagus.

Mengulas lanjut, Khair berkata, seramai 8,647 daripada 434,535 calon SPM 2016 memperoleh semua A (A+, A, A-) dalam semua mata pelajaran yang diduduki berbanding 9,721 calon pada tahun 2015.

"Walaupun Gred A telah berkurangan, GPN semua mata pelajaran telah meningkat secara signifikan.

"Ini bermakna prestasi keseluruhan pelajar meningkat tetapi

yang mendapat gred tinggi (semua A) berkurangan, kemungkinan tertumpu B+," katanya pada sidang akhbar pengumuman keputusan SPM 2016 di sini semalam.

Pada tahun lalu, seramai 434,535 calon mendaftarkan untuk menduduki peperiksaan ini.

Khair menambah, 40,698 calon layak dianugerahkan sijil SPM pada tahun 2016 iaitu 313,667 calon sekolah Kementerian Pendidikan manakala 27,031 adalah calon selain sekolah kementerian.

Beliau berkata, empat mata pelajaran teras iaitu Bahasa Melayu, Bahasa

Ingeris, Pendidikan Islam dan Sains menunjukkan peningkatan prestasi manakala mata pelajaran teras yang lain seperti Matematik, Sejarah dan Pendidikan Moral mencatatkan penurunan.

Ujar Khair, jurang pencapaian antara bandar dan luar bandar semakin mengecil yang mana nilai GPN mengecil sebanyak 0.03 iaitu 0.47 berbanding 0.50 tahun 2015.

Beliau berkata, pencapaian GPN bagi calon luar bandar menunjukkan peningkatan 0.08 iaitu 5.36 pada tahun 2016 berbanding 5.44 pada tahun 2015.

Pencapaian calon di bandar pula meningkat sebanyak 0.05 iaitu 4.89 pada tahun 2016 berbanding 4.94 pada tahun 2015, katanya.

"Hal ini menunjukkan peningkatan pencapaian calon di luar bandar lebih tinggi berbanding calon di bandar," katanya.

Sementara itu di Alor Setar, Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, kementerian akan menganalisis



PARA pelajar Kolej Tunku Kurshiah, Seremban berkongsi kegembiraan bersama beberapa guru mereka selepas berjaya mencatat keputusan cemerlang 10A dan 9A dalam kesemua mata pelajaran.

setiap subjek SPM bagi mengenal pasti kelemahan pelajar terutama membabitkan soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang mula diterapkan

dalam peperiksaan itu sejak 2013.

Ujar beliau, ia berikutan penurunan jumlah keseluruhan pelajar yang mendapat semua A dalam SPM 2016.

INFO

Perbandingan keputusan SPM bagi tahun 2015 dan 2016

Negeri	2015			2016		
	Jumlah pelajar	Peratus lulus	Jumlah Gred A semua subjek	Jumlah pelajar	Peratus lulus	Jumlah Gred A semua subjek
Selangor	75,720	56.14	1,629	75,158	83.29	1,459
Johor	52,512	84.55	1,099	52,617	73.8	1,015
Sarawak	36,366	80.00	582	36,263	83.02	577
Kedah	35,521	85.12	446	34,159	82.66	406
Perak	33,493	83.16	891	32,509	83.39	707
Kelantan	32,431	89.73	340	31,267	87.1	250
Sabah	31,691	48.44	142	33,581	48.6	113
Terengganu	21,262	87.40	348	18,304	56.52	306
Pahang	19,741	87.21	306	19,014	86.74	269
Kuala Lumpur	18,100	84.83	578	17,537	85.75	510
Pulau Pinang	16,024	80.73	745	19,593	82.24	656
Negeri Sembilan	15,660	84.70	586	15,129	85.8	508
Melaka	14,500	85.70	280	14,766	86.4	244
Perlis	3,500	85.00	41	3,623	48.6	57
Putrajaya	1,117	96.99	79	1,247	95.81	56

Kosmo
17/3/17
m/s 8